

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

Terkini COVID-19 1,110 pulih, dibenar keluar hospital, semalam | 1,315 kes baharu disahkan, semalam | 354 jumlah kematian dicatat | 63,176 jumlah kes disahkan positif | 11,508 kes yang masih dirawat

Penularan COVID-19

1,315 jangkitan baharu

Empat kematian babit mangsa di Sabah, 6 lagi kluster dikesan

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sejumlah 1,315 kes jangkitan baharu COVID-19 dilaporkan semalam, dengan empat lagi kematian semuanya membabitkan mangsa di Sabah.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pertambahan empat kes itu menjadikan kumulatif 354 kematian akibat COVID-19 iaitu 0.56 peratus daripada keseluruhan 63,176 kes positif direkodkan sehingga kini.

Mengulas lanjut, katanya se-

lain kanak-kanak perempuan warga asing berusia empat tahun yang meninggal dunia di Hospital Tawau, dua lagi kematian direkodkan di Hospital Duchess of Kent di Sandakan.

"Ia membabitkan lelaki tempatan berusia 84 tahun yang mempunyai latar belakang penyakit darah tinggi, dislipidemia dan penyakit mata, manakala seorang lagi wanita warga asing berusia 60 tahun.

"Seorang lelaki warga asing berusia 130 tahun pula disahkan meninggal dunia di Hospital Tuaran," katanya ketika melalui kenyataan mengenai situasi semasa jangkitan COVID-19 di Malaysia, semalam.

Berhubung jangkitan baharu semalam, beliau memaklumkan sehingga kini 11,508 kes aktif direkodkan dengan 118 dirawat di unit rawatan rapi (ICU), manakala 43 memerlukan bantuan pernafasan.

"Sabah masih melaporkan kes harian tertinggi iaitu 476 kes (36.2 peratus), yang mana 406 kes (85.3 peratus) adalah hasil saringan kluster dan kontak rapat kes positif COVID-19 yang dijalankan di lapangan.

"Ini diikuti Selangor dengan 266 kes (20.2 peratus) dan Kuala Lumpur sebanyak 191 kes (14.5 peratus).

"Sebanyak 112 kes (8.5 peratus) dilaporkan berkaitan kluster di Pusat Tahanan Sementara (PTS) dan penjara membabitkan Kluster PTS Sibuga (99 kes), Kluster Tembok (lapan kes), masing-masing dua kes berkaitan Kluster Penjara Reman dan Kluster Rumah Merah serta satu melalui Kluster Penjara Kepayan," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 1,110 kes sembuh dilaporkan, menjadikan kumulatif 51,314 kes pulih dan dibenarkan discaj daripada hospital.

Beliau turut memaklumkan, enam kluster baharu COVID-19 dilaporkan menjadikan keseluruhan 180 kluster dipantau Kementerian Kesihatan ketika ini.

"Empat kluster baharu dikesan di Sabah iaitu Kluster PTS Sibuga dan Kluster Dermaga di Sandakan, Kluster Tapak Bina Jesselton di Kota Kinabalu dan Kluster Tempasuk di Kota Belud.

"Dua lagi adalah Kluster UD SS2 di Petaling, Selangor dan Kluster Tapak Bina Awan Baru di Kepong serta Cheras, di sini," katanya.

Beliau berkata, sebanyak 44 kluster melaporkan pertambahan kes baharu, dengan tertinggi Kluster Enggor (126 kes), Kluster Teratai (90 kes) dan Kluster Bintang (71 kes).

Sementara itu, dua kluster diisytiharkan tamat semalam iaitu Kluster Menara dan Kluster Simera.

Teruskan komitmen tambah baik keberkesanan sistem kesihatan

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) digesa meneruskan kerjasama dengan pemegang taruh bagi menambah baik mutu serta keberkesanan sistem kesihatan negara.

Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Prof Datuk Dr M Subramaniam, berkata komitmen Kementerian dalam menangani pelbagai isu berkaitan perlu diperkasa menerusi perancangan khusus, bagi mengelak sebarang implikasi di kemudian hari.

Beliau berkata, hal ini dapat dilihat menerusi jaminan kerajaan untuk menyerap petugas kesihatan berstatus kontrak sebagai tenaga kerja tetap, seperti yang dibentangkan di Parlimen baru-baru ini.

"Ini satu berita baik untuk ribuan petugas kesihatan dan kami menanti maklumat lebih terperinci seperti jumlah sebenar kekosongan jawatan tetap yang ada serta tarikh pelaksanaan.

"Kami juga berharap Kementerian dapat memberikan perincian lebih mendalam berhubung kriteria pemilihan untuk jawatan terbabit," katanya melalui kenyataan semalam.

Khamis lalu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata pihaknya bersedia untuk memperakukan pegawai perubatan yang berkhidmat secara kontrak dan memenuhi syarat ditetapkan dalam skim perkhidmatan untuk dilantik secara tetap.

Bagaimanapun, beliau berkata tindakan itu tertakluk kepada kekosongan serta pewujudan jawatan tetap dari semasa ke semasa.

Mengulas lanjut, Dr Subramaniam berkata, perancangan rapi dalam pengisian jawatan ini amat kritikal, kerana ia membantu meredakan keresahan dalam kalangan doktor muda berhubung masa depan kerjaya masing-masing.

"Kami berharap Kementerian bersedia menjelaskan lebih lanjut perancangan dibuat, khususnya untuk doktor yang mahu menyambung pelajaran bagi mendalami kepakaran tertentu.

"Kementerian perlu telus dan menjelaskan jumlah sebenar pegawai perubatan yang boleh menjalani program seumpama ini serta kriteria pemilihan," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN AHAD

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Perjanjian dengan Pfizer terbatal jika gagal daftar FDA, NPRA

Kuala Lumpur: Perjanjian bagi pembelian 12.8 juta dos vaksin COVID-19 daripada syarikat farmaseutikal, Pfizer Inc berpangkalan di Amerika Syarikat (AS) akan terbatal sekiranya ia gagal didaftarkan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata selain Pentadbiran Makanan dan Ubat-ubatan (FDA) Amerika Syarikat, pendaftaran perlu diluluskan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) di Kementerian Kesihatan (KKM).

Perkara itu dimaklumkan beliau menerusi Twitter semalam, susulan pengumuman Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, bahawa Malaysia sudah memeterai dua perjanjian yang memberi jaminan untuk negara mendapatkan bekalan vaksin COVID-19 bagi menampung keperluan imunisasi 30 peratus rakyat. Ia termasuk perjanjian dengan

Pfizer Inc yang dimeterai pada 24 November lalu, membabitkan bekalan 12.8 juta dos vaksin untuk 20 peratus atau 6.4 juta rakyat.

Sementara itu, menjawab soalan pengikut akaun Twitter mengenai sebab Malaysia lebih cenderung memilih vaksin daripada Pfizer yang dikatakan mempunyai mekanisme penyimpanan lebih rumit berbanding yang lain, Dr Noor Hisham memaklumkan: "Kita cuba mendapat bekalan vaksin daripada pelbagai sumber dan kerjasama. Bukan hanya satu syarikat."

Semalam juga, beliau turut mengadakan lawatan kerja ke kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Jalan Teratai di Klang.

Menerusi kiriman di Facebook, Dr Noor Hisham berkata, dalam lawatan itu beliau diberikan taklimat oleh Pegawai Kesihatan Daerah Klang, Dr Masitah Mo-



Dr Noor Hisham bersama petugas kesihatan ketika mengadakan lawatan kerja ke kawasan PKPD Jalan Teratai, Klang, semalam.

(Foto FB Dr Noor Hisham Abdullah)

hamed, yang menerangkan pengurusan dan perkembangan terkini situasi COVID-19 di kawasan itu, selain berkesempatan melihat aktiviti saringan.

"Kawasan PKPD di Jalan Teratai terbahagi kepada dua iaitu Sektor A dan Sektor B yang mana setiap satu menempatkan asrama lelaki dan wanita.

"Pengurusan kesihatan diberikan anggota kesihatan dari PKD

Klang dan Klinik Kesihatan Meru, anggota kesihatan bantuan dari daerah luar serta sukarelawan badan bukan kerajaan (NGO)," katanya.

Aktiviti pengurusan kesihatan meliputi saringan calitan COVID-19, kesiapsiagaan perubatan, pengurusan pemberian arahan Perintah Pengawasan dan Pemeliharaan di Rumah (HSO), pengurusan kemasukan kes positif ke

hospital dan pengurusan data.

"Alhamdulillah, saya sempat bertukar pendapat dengan pihak pengurusan operasi yang terbabit dan mendengar isu berbangkit agar operasi PKPD ini berjaya dalam membendung penularan ke dalam komuniti," katanya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua agensi terbabit dalam pengurusan PKPD berkenaan.

AKHBAR : KOSMO AHAD

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NEGARA

Kanak-kanak 4 tahun korban Covid-19

Oleh NOR IDAYU BOSRO

PUTRAJAYA – Kanak-kanak warga asing berusia empat tahun yang meninggal dunia di Hospital Tawau, Sabah antara empat kes kematian yang dilaporkan semalam.

Selain itu, satu lagi kematian di Hospital Tuaran, Sabah membabitkan seorang migran tanpa dokumen pengenalan diri berusia 130 tahun turut dilaporkan.

Difahamkan kes itu adalah BID (brought-in-dead) dan umur si mati adalah berdasarkan rekod pihak polis.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, dua lagi kematian

turut dilaporkan di Sabah di Hospital Duchess of Kent melibatkan seorang lelaki warganegara berusia 84 tahun dan wanita warga asing berusia 60 tahun.

"Jumlah kes positif kekal empat angka selepas 1,315 kes dilaporkan termasuk daripada enam kluster baharu menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 63,176 kes.

"Sabah masih melaporkan kes harian tertinggi sebanyak 476 kes dengan 406 kes daripadanya adalah hasil saringan kluster-kluster dan kontak rapat kes positif yang giat dijalankan di lapangan," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, Selangor men-

catatkan kes kedua tertinggi dengan 266 kes diikuti Kuala Lumpur sebanyak 191 kes.

"Sebanyak 112 kes yang dilaporkan adalah berkaitan kluster-kluster di Pusat Tahanan Sementara (PTS) dan penjara yang membabitkan Kluster PTS Sibuga (99), Kluster Tembok (lapan), Kluster Penjara Reman (dua), Kluster Rumah Merah (dua), dan Kluster Penjara Kepayan (satu)," katanya.

Sementara itu, Noor Hisham berkata, sebanyak 44 kluster aktif melaporkan pertambahan kes dengan kluster merekodkan kes baharu tertinggi ialah Kluster Enggor (126 kes), Kluster Teratai (90) dan Kluster Bintang (71).

Beliau berkata, terdapat enam kluster baharu turut dilaporkan semalam dengan empat daripadanya di Sabah iaitu Kluster PTS Sibuga dan Dermaga di Sandakan, Kluster Tapak Bina Jesselton di Kota Kinabalu serta Kluster Tempasuk di Kota Belud.

"Dua lagi kluster baharu ialah Kluster UD SS2 di daerah Petaling, Selangor dan Kluster Tapak Bina Awan Biru di Cheras, Kuala Lumpur," katanya.

Dalam pada itu, Noor Hisham berkata, semakin banyak kluster yang terbentuk sejak kebangkitan itu berpunca daripada perhimpunan sosial yang tidak mengikut prosedur operasi standard (SOP).



Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	1,315
Import: 5 Tempatan: 1,310	
• Pulih	1,110
• Kematian	4
• Masih dirawat	11,508
• Jumlah kes sembuh	51,314
• Jumlah Kematian	354
Jumlah kes keseluruhan	63,176

AKHBAR : SINAR AHAD

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

1,315 kes baharu, empat kematian

Sabah terus catat kes tertinggi dengan 476 kes semalam

KUALA LUMPUR

Malaysia semalam mencatatkan 1,315 kes baharu Covid-19 * dengan Sabah terus mencatatkan kes tertinggi iaitu 476 kes (36.2 peratus) dan diikuti Selangor dengan 266 kes (20.2 peratus).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, angka kes baha-

ru tersebut menjadikan jumlah kes positif dalam negara sebanyak 63,176 kes manakala jumlah kes aktif dengan kebolehtangkitan Covid-19 kini adalah 11,508 kes.

"Daripada jumlah kes baharu berkenaan, terdapat lima kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara dan 1,310 kes adalah penularan Covid-19 dalam negara," katanya dalam kenyataan semalam.

Bagi jumlah kes sembuh, setakat semalam sebanyak 1,110 kes pulih menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya ialah 51,314 kes.

Beliau berkata, terdapat empat kematian berkaitan Co-



Anggota Jabatan Kesihatan Negeri Sabah membuat saringan Covid-19 terhadap penduduk Taman Telipok Ria, Kota Kinabalu yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bermula kelmarin.

vid-19 dan kesemuanya dilaporkan di Sabah melibatkan dua lelaki dan dua perempuan, menjadikan jumlah kumulatif kematian dalam negara adalah 354 kes.

"Kes kematian itu melibatkan kanak-kanak lelaki tempatan berusia 84 tahun yang meninggal dunia di Hospital Duchess of Kent dan mempunyai sejarah penyakit darah tinggi, dislipidemia dan

penyakit mata, manakala seorang lagi lelaki bukan warganegara didakwa berumur 130 tahun disahkan meninggal dunia di Hospital Tuaran.

"Kes kematian ketiga melibatkan seorang kanak-kanak perempuan bukan warganegara berusia empat tahun yang meninggal dunia di Hospital Ta-wau dan seorang wanita bukan warganegara berusia 60 tahun yang meninggal dunia di Hospital Duchess of Kent," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, terdapat 118 kes positif Covid-19 yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 43 kes memerlukan bantuan pernafasan. - Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia




*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 28 November 2020

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 61,861 kes kepada 63,176 kes

JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	63,176	PULIH:	51,314	ICU:	118	KEMATIAN:	354	KES BAHARU:	+1,315
---------------------	--------	--------	--------	------	-----	-----------	-----	-------------	--------



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 3
 RUANGAN : STORY OF THE DAY/NEWS

Sabah the biggest contributor again with 476 cases

KUALA LUMPUR: Sabah returned as the biggest contributor to new Covid-19 cases in the country yesterday, with most of them detected through close-contact tracing and screenings of new and existing clusters in the state.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said Sabah recorded 476 cases yesterday out of the country's 1,315 new cases.

"A total of 406 new infections in Sabah (85.3 per cent) are from existing clusters and close contacts of Covid-19 patients."

Sabah is followed by Selangor's 266 cases and Kuala Lumpur's 191 cases.

Dr Noor Hisham said 112 cases were from clusters at temporary detention centres and prisons, involving the PTS Sibuga (99 cases), Tembok (eight), Penjara Reman (two), Rumah Merah (two) and Penjara Keparayan (one) clusters.

A total of 1,310 cases were local transmissions and five were imported.

This brings the number of cases with active infectivity to 11,508.

Dr Noor Hisham said 118 patients were being treated at Intensive Care Units, with 43 requiring breathing assistance.

Four Covid-19 deaths were recorded yesterday, bringing the total number of fatalities to 354.

All four deaths were recorded in Sabah.

One patient (Case 39,785), 84, had a history of high-blood pressure, dyslipidemia and eye diseases. The man died at Duchess of Kent Hospital.

The other patients who died, all foreigners, did not have any known prior illness. One of the patients (Case 35,037) was reportedly 130 years old. He died at Tuaran Hospital.

Dr Noor Hisham said 1,110 more patients had recovered, bringing the total number of recoveries to 51,314 (81.2 per cent).

Meanwhile, police on Friday arrested 577 people for flouting Conditional Movement Control Order (CMCO) standard operating procedures (SOP).

Senior Minister (Security Cluster) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yesterday said of the total, 522 people were issued compounds, while 55 were remanded.

"A total of 116 people were arrested for participating in activities at entertainment outlets, 113

for not wearing face masks, 215 for failure to practise physical distancing, 71 for failure to record visitors' details, 53 for travelling inter-state and inter-district without permission and nine for other offences."

He said the SOP compliance task force led by the police conducted 63,722 inspections on Friday.

"The compliance task force will continue to monitor and inspect public places to ensure compliance with the SOP."

He said the task force's 2,737 compliance teams comprising 13,387 officers and personnel had conducted 38,910 checks on business premises.

"A total of 3,426 supermarkets, 4,949 restaurants, 1,866 hawkers and stalls, 1,336 factories, 3,435 banks and 552 government offices were inspected."

"Also inspected were 941 land, 231 water and 83 airport transport terminals."

He said 11,995 sanitation operations were carried out in 137 zones.

"A total of 14,155 premises were sanitised, including 2,864 business premises, 1,659 housing areas, including People's Housing Project flats, and 2,771 public places."

On Op Benteng, he said the authorities detained 49 undocumented immigrants and two smugglers from 278 roadblocks set up by the police, Armed Forces, People's Volunteer Corp and Malaysian Border Security Agency (AKSEM).

"Four vehicles were seized during the operations yesterday (Friday)," he said.

Op Benteng is a joint effort between the police, armed forces, Malaysian Maritime Enforcement Agency and AKSEM to safeguard the country's borders, eliminate cross-border crime and prevent the spread of Covid-19 into the country.

Ismail Sabri said from July 27 to Nov 27, 76,807 people returned to Malaysia from various countries.

"A total of 79 hotels and 18 public training institutes in Kuala Lumpur, Selangor, Negri Sembilan, Penang, Johor, Sarawak, Kelantan, Perak, Kedah, Perlis, Terengganu, Sabah and Labuan have been designated (as centres) for returnees to undergo the 14-day quarantine."

"At the moment, 10,923 returnees are in quarantine, while 405 have been admitted to hospitals."



Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah

AKHBAR : SUNDAY STAR

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION

Workers get pleasant surprise

Health DG visits frontliners on duty at EMCO area in Klang

PETALING JAYA: Frontliners on duty in an area under the enhanced movement control order (MCO) in Klang received a pleasant surprise when Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dropped by.

During his visit to the area in Jalan Teratai, Meru, Klang, the Health director-general was briefed on the situation in the area, believed to be the centre of the Teratai cluster.

"I also took the opportunity to exchange ideas with the operations management personnel and listen to their issues and concerns so that we can work together to prevent the spread of Covid-19 in the community," he said.

The area was divided into two sectors, A and B, in which the workers' hostels were located, he added.

Dr Noor Hisham was accompanied by Selangor Health director Datuk Dr Sha'ari Ngadiman, state security director Faizatun Aini Mohd Adnan, Klang district officer Mohd Zainal Mohd Nor and other local authority heads, as well as police and army personnel.

Currently the biggest Covid-19 cluster in the country, the Teratai Cluster is linked to the outbreak among workers at glove manufacturer Top Glove.

Frontliners in their personal protective equipment also took the opportunity to take photos with Dr Noor Hisham during his visit.



Working together: Frontliners in full protective gear looking upbeat as they pose with Noor Hisham at one of their operation-posts in Meru, Klang.

Dr Noor Hisham later expressed his thanks on Facebook to the agencies and frontliners involved.

Meanwhile, frontline workers in the area had to face the additional challenge of carrying out their

duties in the midst of flash floods yesterday.

Authorities had to set up plastic platforms at flooded spots within the premises to allow residents in the area to make their way safely to

the Covid-19 swab test stations.

The Irrigation and Drainage Department reported that water levels in Sungai Klang near Meru town hit the danger mark after reaching 4.8m at 4pm yesterday.

AKHBAR : SUNDAY STAR

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NATION

Health DG: Six new clusters found in Sabah, S'gor and KL

By AUSTIN CAMOENS
austin@thestar.com.my

PUTRAJAYA: The country recorded 1,315 new Covid-19 cases, with Sabah again having the highest number of cases at 476.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said there were also four new fatalities, bringing the death toll to 354.

Selangor recorded 266 cases, followed by Kuala Lumpur (191), Perak (167), Penang (92), Johor (46), Negri Sembilan (41), Kelantan (18), Kedah (17) and Melaka (one).

Dr Noor Hisham said six new clusters were identified in Sabah, Selangor and Kuala Lumpur.

He said one of the new clusters in Sabah – the PTS Sibuga cluster – involved the index case who tested positive after showing symptoms on Nov 5.

“A total of 324 individuals were then screened, of whom 104 tested positive,” he said in a statement yesterday.

He said another cluster identified in Sabah was the Jesselton construction site cluster in Kota Kinabalu, where 44 of the 181 individuals screened were found to be positive.

“The Tempasuk cluster was also identified in Kota Belud, Sabah, involving the index case who was screened after showing symptoms on Nov 24,” he said, adding that 11 of the 148 people screened later tested positive.

Dr Noor Hisham said another cluster – the Dermaga cluster in Sandakan – involved the index case who was screened on Oct 24.

“A total of 296 people were later screened, of whom 33 tested positive.

“In the Petaling district, Selangor, the UD SS2 cluster was identified involving the index case who was screened after showing symptoms on Nov 27.

“Thirty-nine people were screened, of whom 12 tested positive,” he said.



Weather challenge: Medical frontliners monitoring residents and foreign factory workers going for Covid-19 swab tests in Meru, Klang, in the midst of a flash flood. — RAJA FAISAL HISHAN/The Star

Another new cluster is the Awan Baru construction site cluster in Kepong and Cheras, where 31 among 442 individuals screened were found positive.

Dr Noor Hisham advised the public to observe the standard operation procedure (SOP) when attending gatherings or going to public places.

“Recently, it was found that more clusters were being formed from social gatherings that did not adhere to the SOP,” he said, adding that these included large gatherings involving families, celebrations and religious ceremonies.

He said based on investigations, these gatherings were attended by individuals who had shown symptoms such as the Enggor cluster in Perak and the Indah Mas cluster in Kuala Lumpur and Selangor.

“The Inai and Jambul clusters in Sabah stemmed from a celebratory gathering while the Mentari cluster in Selangor, Negri Sembilan and Kuala Lumpur, started from a funeral in Nilai involving family members and acquaintances,” he said.

Earlier yesterday, he visited Jalan Teratai in Meru, Klang, where the Teratai cluster is said to have started.

Frontline workers in the area had to carry out their duties in the midst of flash floods.

Meanwhile, a total of 1,110 patients were discharged yesterday, meaning the number of recoveries is 51,314 or at a rate of 81.2%.

The total number of active cases in the country has now gone up to 11,508.

Cumulatively, the country's total number of cases since the outbreak began in January is 63,176 cases.

Currently, 118 people are being treated in intensive care units, with 43 of them requiring ventilator support.